



DOA QUNUT NAZILAH
BAGI MENGHINDARI WABAK COVID-19



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

أما بعد

Isi Kandungan

Mukasurat

- | | |
|---|---|
| 1. Pengenalan Doa Qunut Nazilah | 3 |
| 2. Tatacara Dan Panduan Membaca Doa Qunut Nazilah | 4 |
| 3. Doa Qunut Nazilah | 5 |
| 4. Maksud Doa Qunut Nazilah | 6 |

PENGENALAN DOA QUNUT NAZILAH

Doa Qunut Nazilah sunat dibaca pada tiap-tiap kali sembahyang fardhu. Ia dibaca untuk menolak kecelakaan, bala bencana atau bahaya yang menimpa umat Islam seperti ketakutan, kemarau, wabak penyakit dan selainnya. Doa tersebut dibaca pada I'tidal rakaat akhir setiap sembahyang iaitu setelah selesai membaca Tahmid (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ). Apabila bahaya yang mengancam itu telah berakhir, maka berakhirlah pembacaan Doa Qunut Nazilah itu.

Rasulullah ﷺ sendiri pernah membaca Doa Qunut Nazilah itu di dalam sembahyang fardhu Baginda.

Telah berkata Abdullah bin Abbas radhiallahu 'anhuma:

"قَتَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَهْرًا مُتَتَابِعًا فِي الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ وَصَلَاةِ الصُّبْحِ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ، إِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ مِنَ الرَّكْعَةِ الْآخِرَةِ يَدْعُو عَلَى أَحْيَاءٍ مِنْ بَنِي سُلَيْمٍ عَلَى رِغْلِ وَذُكْوَانَ وَعُصَيَّةَ وَيُؤْمِنُ مَنْ خَلْفَهُ".

(رواه أبو داود)

Maksudnya: "Rasulullah ﷺ membaca Qunut Nazilah selama sebulan terus-menerus pada sembahyang Zohor, Asar, Maghrib, Isya dan Subuh di akhir setiap sembahyang. Apabila Baginda membaca سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ pada rakaat akhir, Baginda berdoa (supaya diberikan balasan) ke atas puak daripada Bani Sulaim yang terdiri daripada puak Ri'il, Dzakwan dan 'Ushaiyyah (atas perbuatan zalim mereka membunuh sahabat-sahabat Baginda) sementara makmum di belakang Baginda mengaminkannya."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Tatacara dan Panduan Membaca Doa Qunut Nazilah:

1. Disunatkan untuk dibaca secara nyaring pada setiap sembahyang fardhu sama ada secara berjemaah atau pun bersendirian.
2. Khusus bagi sembahyang berjemaah, imam membacanya secara nyaring dan makmum mengaminkannya.
3. Dibaca pada rakaat terakhir iaitu semasa l'tidal setelah membaca Tahmid (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ).
4. Tidak perlu melakukan sujud sahwi jika tertinggal bacaan Doa Qunut Nazilah.
5. Disunatkan mengangkat kedua tangan semasa berdoa.
6. Tidak perlu menyapu tangan ke muka selepas berdoa.

Nota: Doa Qunut Nazilah tidak semestinya hanya dilakukan di Masjid secara berjemaah pada Hari Jumaat, malah ia juga boleh dibuat di rumah samada secara berjemaah dengan keluarga atau bersendirian di dalam sembahyang fardhu lima waktu. Tetapi masih juga boleh dipilih mana waktu yang kita mampu atau sesuai melakukannya, seperti dalam Sembahyang Subuh, Maghrib dan Isya', tanpa memestikan ia dibuat dalam kesemua lima-lima waktu.

Doa Qunut Nazilah

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا
فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا شَرَّ مَا قَضَيْتَ،
فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَدُلُّ مَنْ وَالَيْتَ،
وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ
عَلَى مَا قَضَيْتَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَتُوبُ إِلَيْكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ
فِي كُلِّ مَكَانٍ، أَلْبَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ
الْأَمْرَاضِ، وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya:

Ya Allah! Berikanlah kami hidayah sebagaimana mereka yang telah Engkau beri hidayah. Berikanlah kesihatan kepada kami sebagaimana mereka yang telah Engkau berikan kesihatan. Peliharalah kami sebagaimana orang-orang yang telah Engkau peliharakan. Kurniakanlah keberkatan kepada kami pada apa-apa yang telah Engkau kurniakan. Dan selamatkanlah kami dari bahaya yang telah Engkau tetapkan. Maka sesungguhnya, Engkaulah yang menetapkan (hukuman) dan bukannya yang ditetapkan ke atasMu. Dan sesungguhnya tidak hina orang yang Engkau pimpin. Dan tidak mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan (Tuhan Yang) Maha Tinggi. Maka bagi Engkaulah segala pujian di atas apa yang Engkau tetapkan. Kami memohon ampun dariMu dan kami bertaubat kepadaMu.

Ya Allah! Sesungguhnya kami berlindung denganMu daripada penyakit sopak, gila dan kusta serta daripada penyakit-penyakit yang buruk.

Ya Allah! Jauhkanlah kami, Raja kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala bencana, wabak penyakit, penyakit berjangkit, penyakit tha'un dan segala jenis penyakit. Lindungilah kami daripada kebinasaan yang dahsyat dengan belas kasihMu ya Allah, Tuhan yang Maha Lembut lagi Maha Mengetahui, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Dan semoga Allah melimpahkan rahmat dan kesejahteraan ke atas junjungan kami Nabi Muhammad ﷺ, dan ke atas keluarga dan para sahabat baginda.

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.